



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 7 Mac 2026

Untuk Terbitan Media
7 Mac 2026

SIARAN MEDIA

WARIS TRAGEDI KEBAKARAN ULU DONG TERIMA PENCEN PENAKAT, JADI ANAK ANGKAT PERKESO

KUALA LUMPUR: Dua beradik yang merupakan waris kepada mangsa tragedi kebakaran Kampung Pamah Kulat, Ulu Dong, Raub, layak menerima faedah Pencen Penakat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ruby Adalia Balqis Mohd Alawi dan Ahmad Balia Murqam Mohd Alawi, masing-masing berusia 19 serta 15 tahun turut menerima Faedah Pengurusan Jenazah PERKESO secara sekali bayar berjumlah RM3,000.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata rekod caruman arwah bapa yang menjadi antara lima mangsa korban tragedi menyayat hati itu didapati masih aktif.

Berdasarkan semakan, jelasnya, 'ketua keluarga' berkenaan pernah berkhidmat di sektor formal dan mencarum skim LINDUNG Pekerja, melalui perkhidmatan bersama 11 majikan sejak 1990.

"Skuad PERKESO Prihatin yang cakna dengan berita sedih ini menziarahi waris pada hari kejadian iaitu 26 Februari lalu untuk menyegerakan semakan dan proses faedah.

"Setelah semakan dibuat, walaupun rekod caruman terakhir arwah Mohd Alawi Muhammad adalah pada September 2010, warisnya iaitu Ruby dan Ahmad Balia masih layak menerima dua faedah PERKESO.

"Justeru, Faedah Pengurusan Jenazah berjumlah RM3,000 secara sekali bayar sudah disalurkan pada 27 Februari lalu, manakala faedah bulanan Pencen Penakat sebanyak RM373.20 sudah lulus dan akan dikreditkan dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan Ziarah Prihatin di kediaman waris, dekat Kampung Pamah Kulat, Ulu Dong, dekat Raub, Pahang, hari ini.

Pada awal pagi 26 Februari lalu, ketika umat Islam di Malaysia baru sahaja beberapa hari menyambut Ramadan, negara digemparkan dengan insiden kebakaran sebuah rumah di Kampung Pamah Kulat, Raub, yang mengorbankan lima sekeluarga.

Jenazah lima sekeluarga iaitu arwah bapa, ibu dan tiga beradik berkenaan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Gelugor, Raub, pada tengah malam 27 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata langkah intervensi turut dilaksanakan dengan mendaftar kedua-dua anak mangsa sebagai ahli Program Prihatin Keluarga Angkat (PROTEK) PERKESO bagi memastikan kebajikan, pendidikan serta keperluan sosial mereka terus terpelihara.

“Melalui program ini, PERKESO akan menyediakan sokongan pendidikan kepada Ruby Adalia yang kini melanjutkan pengajian di Kolej Matrikulasi Pahang, termasuk bantuan peralatan pembelajaran bagi menyokong proses pembelajarannya.

“Bagi adiknya, Ahmad Balia yang kini bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, PERKESO akan menyalurkan sumbangan tunai bagi tujuan pembelian peralatan serta persiapan persekolahan bagi memastikan kelangsungan pendidikannya,” katanya.

“PERKESO menzahirkan ucapan takziah kepada waris mangsa dan berharap bantuan ini dapat memberi sokongan moral kepada keluarga mangsa, malah kita akan terus melaksanakan amanah untuk menjaga kebajikan waris pencarum,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

7 Mac 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my